

29 OCT 1998

Mahathir-Asean

PERPADUAN ASEAN MASIH KUKUH, KATA MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini semangat perpaduan dalam Asean sebagai satu perkumpulan masih kukuh walaupun terdapat masalah di antara sesetengah negara anggotanya.

Dalam menyifatkan masalah itu sebagai sementara, Perdana Menteri berkata perkumpulan serantau itu akan mengatasinya dalam semangat Asean.

"Saya berpendapat Asean sebagai satu kumpulan masih kukuh. Masalah di kalangan sesetengah negara Asean boleh disifatkan sebagai sementara.

"Kita akan mengatasinya," katanya pada satu sidang berita selepas pertemuan empat mata dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, yang juga Perdana Menteri di Istana Nurul Iman di sini.

Asean mengandungi Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dr Mahathir yang tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari sebelum itu mengadap Sultan Hassanal.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya sama ada lawatannya ke Brunei memberi petanda bahawa perpaduan Asean masih kukuh walaupun terdapat komen oleh negara-negara Asean tertentu mengenai hal dalaman negara anggota yang lain.

Perdana Menteri berkata Perpaduan Asean masih kukuh.

"Pada asasnya, ia masih wujud," katanya.

Ditanya sama ada terdapat semacam elemen asing yang mahu menggugat semangat perpaduan di kalangan negara-negara Asean, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada ada rancangan seperti itu.

"Tetapi sudah tentu cara mereka ialah seolah-olah mahu melihat Asean berpecah," katanya.

Ditanya bagaimana "masalah sementara" itu boleh diatasi, Dr Mahathir berkata "satu cara yang pasti akan mengatasi masalah sementara itu ialah jangan bercakap (komen)."

"Dan itulah sebabnya saya keberatan untuk bercakap," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sebilangan negara-negara anggota Asean yang lain tidak setuju sesebuah negara anggota memberi komen mengenai urusan dalaman negara anggota yang lain.

"Saya fikir sekiranya kita mulakan ini, ia adalah tidak baik kerana kita semua ada banyak yang hendak kritik mengenai sesama sendiri," katanya.

Ketika ditanya sama ada anggota Asean perlu memperkenalkan satu kaedah supaya mereka tidak akan mencampuri urusan dalaman negara anggota masing-masing, Dr Mahathir berkata sehingga kini, anggota Asean tidak bersetuju dengan tindakan sesebuah negara anggota mencampuri urusan dalam negara anggota lain.

Perdana Menteri berkata beliau juga tertarik dan bersetuju dengan kenyataan rakan sejawatannya dari Thailand (Chuan Leekpai) bahawa jika sesebuah negara anggota Asean ingin mengkritik sesuatu perkara di negara anggota lain, maka ia harus dibuat secara "one-to-one" (bersemuka).

Ditanya oleh seorang wartawan Brunei sama ada menteri-menteri dari negara Asean juga tidak boleh membuat komen mengenai urusan dalaman negara anggota yang lain, Dr Mahathir berkata "bukan sahaja menteri tetapi juga mereka yang memegang jawatan penting dalam kerajaan."

Mengenai perpaduan Asean di sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan, Dr Mahathir berkata perpaduan masih wujud.

"Sudah tentu, kami mempunyai pengalaman yang berbeza seperti pengalaman Malaysia berbeza daripada Indonesia ataupun Thailand," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asean perlu mencapai kata sepakat dalam menghadapi sesetengah isu di sidang Apec itu, contohnya krisis kewangan.

Perdana Menteri berkata dalam perbincangannya dengan Sultan Hassanal, antara lain mereka menyentuh situasi di Kemboja.

Katanya mereka berharap Kemboja akan menubuhkan kerajaan tidak lama lagi bagi membolehkannya diterima masuk ke dalam Asean.

Dr Mahathir berkata perkara itu akan dibincangkan pada sidang kemuncak Asean di Hanoi Disember ini.

--BERNAMA

ES WAT